

Headline **Bengkel penanaman cendawan Mega Utusan**
Date **17. May 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **26**
Section **Dalam Negeri** Article Size **141** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



Bengkel penanaman cendawan *Mega Utusan*

KUALA LUMPUR Lebih 300 peserta dijangka hadir dalam Bengkel Keusahawanan penanaman cendawan bersama *Mega Utusan Malaysia* di Universiti Putra Malaysia (UPM), Ahad ini.

Jurucakap penganjur, Mahani Amat meminta peserta dan orang ramai yang ingin mendaftar supaya datang lebih awal kerana tempat hanya mampu menampung sekitar 380 peserta.

Beliau berkata, mereka yang belum mendaftar boleh terus datang dan mendaftar antara 7.30 hingga 8 pagi di Dewan Auditorium Fakulti Kejuruteraan, UPM.

"Setiap peserta diberi percuma dua pasu cendawan yang siap tumbuh, serta modul penanaman cendawan dan makan tiga kali sehari," katanya ketika ditemui pada persiapan akhir untuk mengadakan bengkel itu di UPM, Serdang dekat sini semalam.

Kerjasama

Bengkel dianjurkan oleh sisipan *Mega Utusan Malaysia* dengan kerjasama Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC), UPM dan Agro Bank.

Mahani berkata, bengkel itu mendedahkan pengalaman daripada usahawan yang telah berjaya dan penceramah terdiri daripada pegawai Unit Tanaman Cendawan, UPM, Agro Bank dan wakil dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Menurutnya, antara penceramah yang akan hadir pada bengkel itu ialah pengarah APEEC, UPM, Prof. Dr. Azmi Hamzah dan Pengurus Kanan Institut Latihan Pembangunan Agro Bank, Zainal Abidin Yahya.

Sebarang maklumat mengenai bengkel itu boleh menghubungi urus setia di talian 03-89466991/019-7002040 (Mahani) atau 012-341-7112 (Faris).